



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 14 BILANGAN 47 RABU 19 NOBEMBER, 1969

1389 رابو 9 رمضان PERCHUMA



Duli Yang Maha Mulia sedang berjabat salam dengan pegawai2 pentadbir yang mengucapkan selamat belayar kepada Baginda dan rombongan. Di-kiri sekali ia-lah Menteri Besar, Y.A.M. Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof.

Tuan2 punya tanah di-ingatkan supaya membayar chukai2 tanah mereka

BANDAR BRUNEI. — Pesuruhjaya Tanah Awang B. C. Cartland berkata, banyak tuan2 punya tanah di-daerah Brunei dan Muara yang tidak menghiraukan untuk membayar chukai tanah mereka.

Kata-nya, jika tuan2 punya tanah terus enggan dari membayar chukai2 tanah mereka maka tanah2 itu akan di-ambil dan di-jual, sesuai dengan syarat2 yang terkandung dalam Undang2 Tanah.

Undang2 ada-lah menghendaki tuan2 punya tanah supaya menyiasat jumlah chukai yang mereka hutang dan untuk menjelaskan-nya.

Jika pihak kerajaan terpaksa menyampaikan notis2 tuntutan bayaran chukai itu kepada tuan2 punya tanah, mereka akan di-kenakan membayar belanja kerana menyampaikan notis2 itu.

Awang Cartland berkata, sa-

bidang tanah yang di-mileki oleh dua atau lebih juga boleh di-ambil dan di-jual, jika sa-orang dari mereka, sa-telah menerima satu notis tuntutan bayaran chukai itu tidak dapat membayar jumlah yang dituntut dalam tempoh yang dibenarkan, dan tuan2 punya tanah bersama yang lain-nya, tidak boleh menahan perkara itu, dengan alasan yang mereka tidak menerima notis2 itu.

Kata-nya, tuan punya tanah bersama yang menerima notis tuntutan itu, terpaksa membayar kesemua jumlah yang patut di-bayar dan tidak sahaja bahagian chukai-nya.

Kemudian terserah-lah kapada-nya untuk meminta di-bayar balek dari tuan2 punya tanah bersama yang lain, dengan mendapatkan kembali wang chukai yang di-bayar-nya kerana bahagian2 mereka dari tanah itu.

D.Y.M.M. BERANGKAT KA-UNITED KINGDOM

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah berangkat ka-United Kingdom pada hari Juma'at lepas untuk meneruskan perundingan dengan menteri2 British mengenai hubungan masa depan Brunei dengan Britain.

Antara yang mengiringi Duli Yang Maha Mulia dalam perundingan itu ia-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong Sahibol Bahar Muda Mohammad Bolkiah, Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Pegawai Kewangan Negara, Yang Berhormat Dato Utama Awang John Lee dan Peguam Negara, Yang Berhormat Dato Utama Awang Idris Talag Davies.

Jalani latehan

di-United Kingdom

BANDAR BRUNEI. — Ketua kaki-tangan Aquarium Brunei, Awang Ibrahim bin Momin telah berlepas ka-United Kingdom pada hari Isnin lepas untuk menjalani latehan mengenai chara2 mengurus aquarium sa-lama enam bulan di-Aquarium Kebun Binatang London.

Sa-telah menamatkan latehan di-situ, Awang Ibrahim akan meneruskan kursus-nya sa-lama enam bulan di-Aquarium Kebun Binatang di-Frankfurt Jerman Barat.

Awang Ibrahim di-jangka pulang ka-tanah ayer dalam bulan Nobember tahun hadapan.

Di-antara yang hadir di-lapangan terbang Berakas untuk mengucapkan selamat berangkat kepada Duli Yang Maha Mulia dan rombongan ia-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Yang Amat Mulia Cheteria2, ketua2 jabatan kerajaan dan pegawai2 pentadbir.

Do'a selamat atas keberangkatan Duli Yang Maha Mulia dan rombongan telah di-bacakan oleh Yang Di-Muliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Utama Haji Awang Ismail bin Omar Abdul Aziz.

Semasa Duli Yang Maha Mulia berada di-luar negeri, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha di-lantek sa-bagai Timbalan Sultan.

Keluaran setem khas bagi peringati pembukaan Pusat Belia

BANDAR BRUNEI. — Satu keluaran setem2 khas bagi memperingati pembukaan rasmi bangunan Pusat Belia Negeri Brunei akan di-jual di-semua Pejabat2 Pos di seluruh negeri pada 20 Disember akan datang.

Setem2 tersebut berharga 6 sen; 10 sen dan 30 sen.

Setem2 khas itu akan terus di-jual selama tiga bulan atau hingga setem2 dalam simpanan habis di-jual yang mana lebih awal.



ABD. SAMAN KAHAR

MUHAMMAD Mahmud Al-Sawwaf dalam buku-nya 'Nidaul Islam, menyelitikan untai kata yang amat menarik bagi mensifatkan Al-Quran: "Al-Quran adalah hidangan Allah untuk penghuni bumi" demikian kata beliau.

Beberapa kurun lama-nya (khusus-nya di-masa2 kelemahan dunia Islam) sa-bilangan besar kaum muslimin menaruh anggapan yang merugikan imej Al-Quran. Orang awam di kalangan umat Muhammad biasa-nya menamakan Al-Quran sebagai kitab undang2 U gama — satu nama yang membawa sebutan dan pengertian yang khas.

Sa-takat ini tiada-lah kebingungan yang pahit menerpa kita; tetapi sa-benar-nya disabalek sebutan dan pengertian yang di-khususkan itu tadi, dunia Islam telah di-selimuti oleh ka-keliruan faham, mereka menyempitkan faktor2 yang terkandung dalam Al-Quran sa-bagai hanya memuat pembicaraan2 yang khusus mengenai hal ehwal peribadatan umat Islam termasuk-lah soal2 rukun U gama dalam pengertian-nya yang terbatas.

Abad ka-lapan belas hingga sekarang ada-lah merupakan zaman kebangkitan dunia Islam yang amat segar — suatu proses yang melanjutkan gerakan2 modernisasi U gama yang sabenar-nya telah bermula sejak kurun kedua belas masehi.

Dalam perangkan waktu ini, pergolakan dunia antara bangsa akhir-nya mempercepat terchetus-nya satu perkembangan/gerakan yang amat pesat dalam perundangan dan ilmu pengetahuan Islam.

Kajian2 dan bahathan2 ilmiah mengenai Al-Quran akhir-nya memutuskan bahawa tidak dapat di-berikan suatu batas

Sedikit mengenai chita2 penyusunan semula masharakat Islam

nama yang khas terhadap Al-Quran — Al-Quran tidak boleh di-sebut sa-bagai kitab undang2 sa-chara khusus, sebab kandungan Al-Quran sabenar-nya ada-lah meliputi semua aspek kehidupan.

Umpama-nya Al-Quran juga mengandungi huraian2 sains, ilmu kemasharakatan, pakta2 yang maha tepat untuk pengkajian dan penemuan2 tawarikh dunia, malah sa-orang sasterawan umpama-nya akan menemui lunas2 sastera yang maha tinggi mutu-nya. Demikian-lah hal2 yang lain.

Oleh yang demikian Al-Quran akan tetap merupakan hidangan hidup yang berbichara dan membicharakan seluruh batas kehidupan manusia. Bernalah seperti yang telah di-simpulkan oleh Muhammad Mahmud Al-Sawwaf tadi.

Keistimewaan2 Al - Quran berpusat pada perbendaharaan ilmu dan huraian2 yang mengagumkan. Perkembangan sains dan teknologi akhir-nya membongkar kekayaan2 Al-Quran ini, di-mana semua bidang yang di-bicharakan oleh Al-Quran itu tidak pernah bertentangan dengan hasil2 kajian dan perkembangan ilmu pengetahuan modern. Hal ini tidak akan kita sentoh di-sini.

Dalam zaman pembangunan ini, gulongan2 progressive dalam U gama Islam sudah banyak benar membicharakan dasar2 yang harus di-jadikan landasan bagi penyusunan semula masharakat Islam.

Dalam usaha serupa ini, ahli2 fikir Islam di-zaman modern akhir-nya berpechah kepada dua aliran. Aliran pertama menghendaki penyusunan semula masharakat Islam hendak-lah di-lakukan dari raayat bawahan, dengan alasan bahawa sa-sebuah pemerintahan yang bertunjangkan raayat, tidak akan muncol ka-dalam bentuk jentera pentadbiran yang kukoh andai-nya mereka itu lahir dari kalangan raayat yang maseh buta.

Aliran kedua menghendaki penyusunan semula dari kalangan atas, dengan alasan bahawa raayat bawahan tidak akan mengenal arti kebangkitan yang dinamis dan positive selagi kechurangan berlaku dalam kalangan atasan.

Nama2 sa-perti Madhat Basha, Ahmad Khan, Jama-

luddin Al-Afghani dan reformis2 yang lain, tidak dapat kita pisahkan dalam sejarah gerakan serupa ini.

Pada hemat saya, yang penting bukan — lah memecah salah satu aliran itu untuk di-jadikan bahan penyusunan semula masharakat Islam di-zaman sekarang, tetapi yang mustahak-nya ia-lah menyadari bahawa kesemua pemimpin2 Islam yang telah berlalu itu (meski pun sa-tengah2-nya mendapat didekan aliran barat seperti pujangga dan reformis Islam Muhammad Iqbal) menegaskan kepada dunia Islam bahawa apa sa-bentuk dan usaha ka-arrah pembangunan masharakat Islam yang maseh mundur tidak akan berhasil dengan jaya-nya, sekira-nya kebangkitan dan pembangunan itu tidak di-dasarkan kepada ajaran2 Islam yang berpusat pada kandungan Al-Quran dan hadith Nabi; malah Muhammad bin Abd. Wahab yang lahir pada tahun 1703 masehi (yang terkenal dalam sejarah reformasi Islam sa-bagi pemimpin gulungan wahabi) tidak mau berganjak dari sikap-nya yang asal, ia-itu menjelmaan kesempurnaan masharakat Islam semata2 dengan membersekan aqidah mereka dari segala anasir2 yang merosakkan keperchayaan yang benar2 betul dan sehat.

Gerakan untuk membangun masharakat Islam dengan meninggalkan ajaran U gama dan Al-Quran lahir sa-telah muncol-nya tiga gulungan Islam, akibat dari pertembungan kebudayaan dan pendidikan Islam Barat.

Ketiga2 gulungan ini menurut pembahagian pemimpin Islam yang terkenal Muhammad Abduh adalah seperti berikut:—

Gulungan pertama: Gulungan progressive yang menjadikan ajaran2 U gama sa-bagai teras segala pembangunan di-samping menerima tamaddun barat (perkembangan modern) menjadi neracha untuk menuju penyesuaian dengan tuntutan2 zaman.

Gulungan kedua: Gulungan orthodox yang menolak bulat2 segala perkembangan barat, dan menganut faham kolot yang merugikan usaha2 perkembangan dunia baru Islam (gulungan ini mengandungi sa-bahagian besar kaum Muslimin yang jahil terhadap hakikat U gama-nya yang sabenar dan buta mengenai perkembangan keliling).

Gulungan ketiga: Gulungan yang menolak ajaran2 U gama dan Al-Quran dalam segala usaha pembangunan kaum Muslimin. Gulungan ini ada-lah dari kalangan anak2 Islam yang menerima pendidikan barat dan melupakan garis2 U gama-nya.

Alasan bagi mereka yang berpendapat bahawa hukum2 Al-Quran tidak bagitu perlu dalam sebarang usaha untuk menyusun dan mengendalikan kemajuan masharakat Islam ia-lah bahawa konon-nya U gama-lah yang menyebabkan kelemahan kaum Muslimin dan kerana itu satu pembangun-

Renchana ini di-susun semula oleh penulis dengan ilham dari sharahan-nya dalam majlis peraduan membacha Al-Quran perengkat sa-negeri pada malam 17hb. Oktober, 1969 di-pekarangan masjid Umar Ali Saifuddin-Pengarang.

Oleh : Abd. Saman Kahar, M.A. (Al-Azhar).

an semula hendak-lah di-atur melalui peraturan2 yang di-jelmakan atau yang diambil dari pengalaman2 dan kebiasaan2 yang berlaku dalam masharakat kita.

Dalam perkataan lain, gulungan ini menolak hukum2 Al-Quran yang bersandarkan ketuhanan, sebab bagi mereka hubungan roh manusia dengan Tuhan-nya tidak mustahak bagi mencapai suatu kemajuan masharakat, sebab menurut mereka kemajuan itu sendiri dapat di-laksanakan melalui kesedaran antara dua pihak sahaja, ia-itu antara manusia dengan manusia semata2.

Telah kita bentangkan tadi bahawa pada ka-seluruhan-nya, ahli2 fikir Islam di-zaman modern ini bersetuju bahawa kemundoran kaum Muslimin ada-lah menghendaki satu penyusunan semula, dan pembangunan serupa ini mesti-lah berteraskan U gama Al-Quran dan hadith Nabi serta hendak-lah menerima tamaddun barat yang sehat sebagai dasar penyesuaian zaman.

Dalam buku-nya 'Al-mujtama' Al-Islamy' Dr. Ahmad Shalaby telah membawakan tiga dasar penyusunan semula bagi kemajuan masharakat Islam di-zaman sekarang:—

Pertama: Pengemasan semula peribadi orang perseorangan dan kekeluargaan Islam.

Kedua: Penilaian semula hal ehwal pengetahuan.

Ketiga: Ikatan dan perpaduan yang lebeh kukoh di-kalangan negara2 Islam.

Pengemasan semula peribadi Muslim bertujuan untuk mengikis segala khurafat dan kekarutan dari keperchayaan-nya yang sa-lama ini menganggap bahawa hal itu ada-lah ajaran U gama.

Penilaian semula hal ehwal pengetahuan di-maksudkan untuk mempertinggi tingkat keilmuan kaum Muslimin mengenai ilmu2 modern yang sedang berkembang di-samping itu memelihara dan membuat analisa2 baru terhadap ilmu2 U gama agar benar2 dapat sejalan dengan keadaan yang timbul.

Meujudkan ikatan2 yang lebeh padu di-kalangan negara2 Islam ada-lah merupakan satu2-nya jaminan yang paling konkrit untuk kemajuan masharakat kita.

Ketiga2 dasar ini dapat merchemirkan chita2 kaum progresif Islam, dan sepanjang yang saya bacha, sikap tegas para alim ulama angkatan baru memperjuangkan kebangkitan dunia Islam dengan berteraskan U gama dapat juga kita ikuti dalam dua dasar pembangunan masharakat yang tersirat dalam Al-Quran (sa-bagai sa-bahagian dari prinsip2 Al-Quran dalam pembentukan masharakat). Saya fikir kedua2 dasar ini-lah yang menyebabkan sikap tegas tersebut muncol menjadi suatu keyakinan yang melebar di-kalangan reformis2 Islam.

(Lihat Muka 3)

KITA semua sekarang sedang berada di-dalam bulan yang ditunggu2 ia-itu Ramadhan yang mana ada-lah di-wajibkan berpuasa padanya dan semua amalan di-gandakan balasan-nya. Dari segi hukum puasa sejak di-wajibkan dalam tahun kedua Hijrah hingga hari ini tidak-lah ada perubahan sekali pun sa-tengah2 orang Islam banyak tersalah anggap bahawa puasa ini di-selaraskan dengan kehen-dak mereka tentang mula dan berakhirnya puasa.

Sa-bagaimana selalu di-in-gatkan bahawa puasa ada-lah satu daripada rukun Islam yang wajib di-kerjakan me-lainkan kepada orang2 yang mendapat keuzuran yang membolehkan mereka berbuka. Puasa dari segi didekan ada-lah sangat tinggi, kerana iba-dah puasa ada-lah satu per-kara ujian yang sangat berat terhadap iman sa-seorang itu, kerana sa-lain dari menahan daripada segala jenis makan minum dan bersentoh dengan perempuan, juga menjaga se-

“Puasa bukan-lah di-wajibkan di-dalam shari’at Nabi Muhammad sahaja, tetapi sa-benar-nya merupakan satu amalan penganut2 Ugama lain”

KHUTBAH JUMA’AT

PUASA DARI SEGI PENDIDIKAN

mua pancha indera daripada membuat perkara2 yang di-larang.

Dari sini faham-lah kita rahsia ibadat puasa ada-lah besar arti-nya di-dalam per-gaulan masyarakat kerana dari keinsafan menahan lapar da-haga dan sa-bagai-nya itu tim-bul-lah perasaan belas kesihan dan mendurong kepada suka menolong orang2 susah dan bertimbang rasa sesama man-u-sia.

Puasa bukan-lah di-wajibkan di-dalam shari’at Nabi Mohammad s.a.w. sahaja, te-tapi juga sa-benar-nya merupa-kan satu amalan penganut2 Ugama lain sa-belum tahun kedua Hijrah. Sa-bagai men-

duga keteguhan keperchayaan masing2 dan menchuchikan ro-hani, hanya chara pelaksana-an-nya sahaja yang berlainan, perkara ini dapat di-faham-dari maksud ayat Al-Quran Al-Karim dalam Surah Al-Bakarah ayat 183 yang ber-maksud:

“Wahai orang2 yang beriman di-wajibkan puasa di-atas kamu sa-bagai-man yang di-wajibkan di-atas orang2 yang sa-belum daripada kamu, muga2 kamu terpelihara dari kejahatan”.

Dalam kita mengerjakan ibadat puasa hendak-lah juga kita menjaga supaya puasa ki-ta itu tidak di-jejaskan oleh

perkara2 yang boleh mengha-puskan pahala-nya kerana pernah Nabi kita mengingat-kan kepada orang Islam yang bermaksud beberapa banyak orang berpuasa tidak men-dapat apa2 hanya lapar dan dahaga sahaja. Di-antara lain yang boleh menghapuskan pa-hala puasa ia-lah mengumpat, berdusta, menghina, memaki, berbantah2 mengeluarkan ka-ta2 yang kotor dan lain2 lagi.

Oleh yang demikian hendak-lah kita sentiasa mengerjakan puasa kita dengan baik muga2 kita mendapat keredhaan Al-lah dan masuk di-dalam gu-longan orang2 Assallehin.

\$7,000 maseh di-perlukan

KUALA BELAIT. — Majlis Perkhidmatan Masyarakat Daerah Belait telah membelanjakan sa-banyak \$23,618.28 berbanding dengan pendapatan sa-banyak \$23,975.00 untok menyelenggarakan Rumah Orang2 Tua di-Seria dari 1 Januari hingga 17 Oktober ta-hun ini.

Wang sa-banyak kira2 \$7,-000 ada-lah di-kehendaki untok perbelanjaan sa-lama tiga bu-lan lagi.

Majlis itu berpendapat mungkin perlu di-anjorkan lagi kegiatan2 mengutip derma da-lam tahun ini sa-lepas menerima bantuan yang di-jangka da-ri Persatuan Bola Keranjang.

Majlis itu juga telah menge-luarkan sa-banyak \$2,449.90 sa-bagai bantuan dalam bulan September dan Oktober

Sedikit mengenai chita2 penyusunan semula masyarakat Islam

(Dari Muka 2)

Dasar Al-Quran dalam penyusunan dan memajukan sa-sebuah masyarakat ada-lah meliputi pemeliharaan terhadap pertumbuhan dan kesempurnaan rohani di-samping memberi kesempatan ka-pada jasmani manusia untok meng-endalikan aliran hidup yang di-ngini-nya.

Dalam perkataan lain, Al-Quran memandang bahawa kemaju-an sa-sebuah masyarakat tidak boleh terpisah dari paduan keroha-nian yang sejahtera dan kebenda-an yang sa-tegoh2-nya, sebab kemaju-an menurut ajaran2 Al-Quran ada-lah berarti suatu kesempurnaan dan ketertipan hidup yang benar2 memuaskan dalam semua bidang dan menjamin keamanan serta kesentosaan.

Al-Quran mengajarkan bahawa masyarakat manusia itu bukan-lah semata2 urusan manusia sahaja, tetapi ada-lah juga menjadi urusan Allah, kerana itu dasar Al-Quran bagi membentuk dan memajukan sa-sebuah masyarakat tidak-lah se-mata2 bergantung kepada hubung-an antara manusia sa-sama man-u-sia, akan tetapi kesempurnaan me-nurut Al-Quran hanya akan ber-laku apabila kemajuan masyarakat di-dasarkan kepada hubungan tiga pehak, ia-itu antara manusia sa-sama manusia dan antara manusia dengan Tuhan-nya. (kesimpulan ini dapat di-petek dari buku “Hu-kum Islam dan Masyarakat” oleh Prof. Mr. Dr. Hazairin).

Al-Quran membendung kesejah-teran rohani ada-lah dengan me-numbuhkan tiga fahaman dalam diri manusia, ia-itu pengertian pa-hala, pujian dan chelaan.

Ketiga2 fahaman ini tidak da-pat berkembang dengan sem-

purna-nya dalam diri manusia apa-bila sa-sebuah masyarakat itu hanya di-dasarkan kepada hubung-an sa-sama manusia sahaja dan ti-dak di-hubungkan dengan Tuhan, sebab pengertian pahala, pujian dan chelaan itu berhubung rapat dengan rasa taqwa kepada Allah.

Ketiga2 pengertian itu tadi tidak akan wujud di-kalangan ma-sharakat Islam yang membelakangi ajaran2 Tuhan dalam ke-hidupan mereka sa-hari2, dan apa-bila ketiga2-nya tidak wujud dalam pegangan timbul-nya orang2 Islam yang lebeh mementingkan diri sendiri dan membelakangi sopan santun, tata tertib dan budi pe-kerti dalam masyarakat.

Akibat dari hal ini ia-lah mun-chol-nya kekuasaan hawa nafsu yang gelujoh dalam melakukan sa-suatu dengan berleluasa, dan perkara serupa ini sudah barang tentu mengakibatkan kepinchangan rohani.

Bila pertumbuhan rohani manu-sia tidak sempurna maka suatu keruntuhan sabenar-nya sedang menunggu.

Demikian-lah mengapa Al-Quran berkali2 menegaskan betapa per-lu-nya memelihara kesejahteraan rohani dengan didekan Ugama sa-bagai tangga pertama untok menu-ju kemajuan masyarakat, dan atas alasan ini juga-lah mengapa kita mesti menolak segala usaha yang ingin mengeneipikan ajaran2 U-gama dan Al-Quran dalam sebarang penyusunan semula masyarakat Islam.

Di-lapangan jasmani atau ke-bendaan, maka ayat2 Al-Quran mengenai perkara ini pada ke-seluruhan-nya dapat kita simpul-kan ka-dalam satu pengertian, ia-itu anjuran kepada seluruh kaum Muslimin agar berusaha dan ber-

lumba2 mengisi segala lapangan hi-dup yang di-perlukan bagi pembentokan sa-buah masyarakat yang ingin maju dan terus berkembang, sebab ada-lah menjadi dasar Al-Quran untok mempertinggi taraf hidup umat Muhammad, dan membimbing mereka kearah keteguhan dan kekuatan dalam semua bidang kehidupan, sesuai dengan sifat Al-Quran sa-bagai suatu hi-dangan hidup yang berbichara dan membicharakkan seluruh batas ke-hidupan itu sendiri.

Saya fikir dengan huraian2 yang singkat ini dapat-lah kita mem-buat kesimpulan tentang mengapa para reformis Islam bermati2an menghendaki Ugama sa-bagai teras penyusunan semula masyarakat Islam.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/ Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 19 Nob. 1969 hingga ka-hari Selasa 25 Nob. 1969 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari					Matahari		
	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh Terbit
19 Nob.		12-12	3-30	6-08	7-23	4-37	4-52 6-08
20 Nob.		12-12	3-30	6-08	7-23	4-47	4-52 6-08
21 Nob.		12-12	3-31	6-09	7-24	4-38	4-53 6-10
22 Nob.		12-12	3-31	6-09	7-24	4-38	4-53 6-10
23 Nob.		12-12	3-31	6-09	7-24	4-38	4-53 6-10
24 Nob.		12-12	3-31	6-09	7-24	4-38	4-53 6-10
25 Nob.		12-12	3-31	6-09	7-24	4-38	4-53 6-10

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma’at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.



19hb. November 1969

PENGHARGAAN YANG KITA TERIMA

BRUNEI telah di-undang oleh Malaysia untuk menjadi salah sa-buah negara yang akan menjadi pengadil dalam peraduan membaca Al-Quran di-peringkat kebangsaan dan antara bangsa yang akan berlangsung di-Kuala Lumpur.

Undangan itu telah di-sambut oleh Brunei dengan tangan yang terbuka dan kita amat berbesar hati atas penghargaan dan kepercayaan Malaysia itu. Penghargaan itu amat-lah mengembirakan kita kerana walaupun kita tidak sa-tua Malaysia dalam lapangan pembacaan Al-Quran ini, tetapi kepercayaan yang telah di-berikan kepada kita itu tidak shak lagi berhabbit dengan kelayakan2 yang ada pada kita.


Walaupun belum dapat diketahui dalam jurusan penghakiman apakah yang akan di-sehkan kepada Brunei dalam peraduan itu nanti, adakah dari jurusan tata-tertib pembaca2 atau tajwid, fashah dan lancar, tetapi dengan undangan itu dapat-lah di-katakan menjadi satu titik yang penting dan amat bersejarah bagi Brunei dalam usaha2-nya yang di-laksanakan selama ini demi untuk meninggikan taraf pembacaan kitab suci itu di-kalangan rakyat-nya yang beragama Islam.

Sa-bagai sa-buah negara sahabat dan jiran yang banyak sekali memberikan jasa bantuan-nya di-segi pembekalan pegawai2 dan guru2 kepada kita, maka undangan itu kita percaya tidak-lah di-dasarkan kepada maksud2 yang lain, melainkan ada-lah untuk kepenington pembacaan Al-Quran.

Ini juga sekurang2-nya dapat memberikan idea2 yang baharu kepada kita pada mengendalik peraduan2 yang besar sa-umpama itu supaya mendatangkan kesan yang baik bagi kita dalam pelaksanaan peraduan peringkat negeri kita di-tahun2 yang akan datang.

Di-samping itu kita penuh percaya bahawa pengadil dari negara kita itu akan dapat memperoleh peluang2 yang baik pada menyaksikan lebih dekat lagi pelaksanaan peraduan itu, terutama-nya di-segi pengadilan2 dan pelaksanaannya. Kita percaya beliau akan menggunakan peluang yang keemasan ini dan dapat pula memperoleh sa-suatu yang berguna. Ini tidak-lah di-maksudkan untuk mengambil kesempatan, tetapi masa sa-umpama itu ada-lah sabaik2-nya bagi kita dalam mendukung chita2 meninggikan taraf pembacaan Al-Quran di-negeri ini — dan tanggungjawab ini kita percaya di-sedari juga oleh wakil2 Brunei ka-peraduan itu.

Dan dengan undangan itu juga dapat-lah di-jadikan salah satu titik pertolakan dalam melihat dan untuk mengetahui sejauh mana kemajuan kita di-bidang pembacaan Al-Quran dan ini juga telah dapat mendorong kepada Umat Islam di-negeri ini supaya lebih merapatkan diri kepada Al-Quran.



Empat orang juru taleh penyelamat jiwa bergambar dengan Penyelat Kolam Bernang. Barisan depan (kiri) P. C. Roger Egan Raja dan Awang Ahmad bin Abdullah, Belakang (kiri) Ak. Zainal dan Abdul Razak Abdullah.

Pembinaan kolam2 ikan berjalan lancar

BANDAR BRUNEI. — Kerja pembinaan kolam ikan Jabatan Perikanan di-kawasan Sungai Jambu di-seberang Jalan Gadong dekat Bandar Brunei di-jangka akan siap kira2 dalam bulan depan dengan lapan puluh hingga sembilan puluh peratus dari kerja pembinaan itu telah selesai di-jalankan.

Pegawai Perikanan Negara, Dr. E. Birkenmiejir berkata, kesemua 18 buah kolam itu telah di-bena dan kerja2 yang akan di-siapkan itu termasuk pembinaan saloran2 dan beberapa buah bangunan.

Beliau berkata, daripada 18 buah kolam itu, tiga buah se-

luas satu ekar, tiga buah sa-tengah ekar, dua buah suku dan 10 buah 1/10 ekar.

Kerja pembinaan tempat ternakan ikan di-atas sabidang tanah seluas 14 ekar itu telah di-mulakan dalam tahun lepas.

Ja-nya di-bena khas bagi tujuan memberi jabatan perikanan asas bagi pengeluaran anak2 ikan untuk di-bahagi2-kan kepada pemilek2 kolam ikan di-negeri ini.

Ikan2 saperti sepat, lapam jawa, gurami dan ikan tonggan akan di-gunakan dalam perchubaaan.

Ja-nya juga akan di-gunakan untuk memberikan penternak2 ikan tempatan latehan mengenai chara2 menternak ikan yang moden.

Jabatan itu juga akan menggunakan tempat ternakan itu untuk menjalankan perchubaaan membiak ikan jenis2 lain.

151 orang chalun sertai pepereksaan Society of Arts

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 151 orang chalun, akan mengambil perpereksaan Royal Society of Arts pemereksaan satu mata pelajaran mulai semalam sa-hingga 2 Disember hadapan.

Pepereksaan itu akan di-adakan di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei dan Maktab Anthony Abell, Seria.

Perkara2-nya ia-lah ilmu menyimpan kira2, trengkas,

Empat orang Jurulateh layak sa-bagai Penyelamat Jiwa

BANDAR BRUNEI. — Empat orang pemegang pingat gangsa 'Royal Life Saving Society' buru2 ini telah layak sa-bagai Jurulateh Penyelamat Jiwa.

Mereka ia-lah Sgt. Awangku Zainal bin Pengiran Ahmad, Cpl. Abdul Razak bin Abdullah, P. C. Roger Egan Raja—kesemua-nya dari pasokan Pulis Di-Raja Brunei dan Awang Ahmad bin Abdullah, sa-orang kaki-tangan Kolam Bernang.

Sijil2 Jurulateh Perkumpulan Penyelamat Jiwa Di-Raja ini ada-lah julong2 kali-nya di-berikan di-negeri ini.

Di-antara pelateh2 dan rekrut2 yang menjalani latehan di-Sekolah Latehan Pulis dalam masa beberapa bulan yang lalu, 87 orang daripada-nya telah lulus ujian pingat gangsa dan 110 orang menerima sijil2 peringkat menengah.

Dalam tempoh itu juga sa-ramai 31 pingat gangsa dan sijil telah di-berikan kepada lain2 chalun yang mengambil ujian di-Kolam Bernang itu.

PENUNTUT2 UGAMA

BERCHUTI

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 13 orang penuntut Ugama Brunei dari Malaysia Barat telah pulang ka-tanah ayer pada hari Isnin lepas bagi menghabiskan chuti akhir tahun mereka.

Penuntut2 tersebut, ia-lah lima orang dari Na'ahad Ebys As'shariff Gunong Semanggol, empat dari Sekolah Raja Perempuan Ta'ayah dan empat yang lain-nya dari Sekolah Izzuddin Shah, Ipoh, Perak.

Sa-ramai 10 orang penuntut ugama dari Sekolah Menengah Ugama Sultan Ismail, Dungun dan 11 yang lain-nya dari Sekolah Rendah Ugama Khariah juga telah pulang ka-tanah ayer pada hari Ahad lepas.

Penuntut2 itu di-jadualkan balek ka-sekolah masing2 pada awal tahun depan.

bahasa Inggeris bagi orang asing dan menaip — dalam tiga peringkat — ia-itu permulaan, menengah dan lanjutan. Ilmu Hisab Satu dan Dua dan Bahasa Inggeris — Satu dan Dua.

Sa-orang juruchapak Jabatan Pelajaran berkata 52 orang chalun akan menyertai pepereksaan tersebut di-Maktab SOAS dan yang lain-nya di-Maktab Anthony Abell.

Kerja2 pembenaan Tugu Peringatan berjalan lancar

BANDAR BRUNEI. — Kira2 20 peratus kerja2 pembenaan Tugu Peringatan Sir Winston Churchill di-Jalan Sultan, Bandar Brunei telah siap.

Sa-orang juruchakap Shari-kat Alister MacDonal dan Rakan pereka projek tersebut, yang juga mengawas pembenaan-nya bagi pehak kerajaan berkata, kerja2 membena blok pejabat Jabatan Perikanan Negeri di-situ berjalan lancar dan ia-nya di-jangka siap dan dapat di-gunakan dalam bulan Julai tahun hadapan. Benaan2 besar lain2 projek itu, juga siap di-waktu yang sama.

Projek tersebut yang menea-lan belanja \$3.35 juta akan mengambil masa kira2 dua ta-hun bagi menyiapkan-nya.

Kerja2-nya meliputi benaan2 besar dan pemasangan berba-gai alat. Komplek itu termasuk sabuah dewan pameran; sa-buah aquarium; pejabat Per-ikanan Negeri dan Dewan Peringatan Churchill.

Perlumbaan mendaki bukit



Gambar atas menunjukkan pelumba2 motosikal bagi orang2 baru yang telah meng-ambil bahagian dalam perlum-baan mendaki bukit yang telah di-adakan di-batu 6 Jalan Muara pada hari Ahad lepas.

Dalam perlumbaan itu, Francis Ng (kiri) telah men-dapat tempat pertama, Sabli Talip (depan) tempat kedua dan Ibrahim bin Haji Ahmad (kanan) — tempat ketiga.

Sa-banyak tiga achara telah

Lebih ramai peladang2 mengambil peluang dalam ranchangan ternakan ayam Jabatan Pertanian

BANDAR BRUNEI. — Lebih ramai lagi peladang2 di-negeri ini mengambil peluang dalam ranchangan bantuan ternakan ayam Jabatan Pertanian dan hasil-nya menjelang bulan Sep-tember lalu, sa-banyak 117 unit reban lagi telah di-bena.

Pengarah Pertanian, Awang K. G. Malet berkata, dari jum-lah itu 48 unit telah di-bena di-Daerah Brunei-Muara, 31 di-Tutong, 30 di-Belaït dan 68 di-

Daerah Temburong.

Beliau berkata, dalam tahun ini Jabatan Pertanian menum-pukan usaha kapada lebih banyak lagi pembenaan unit ternakan di-Daerah Brunei-Muara dan Temburong.

Awang Malet berkata, lebih dari 60 permohonan dan lebih dari 250 pertanyaan mengenai bantuan bagi tahun hadapan telah di-terima dari kaum pe-ladang di-negeri ini.

Beliau menambahkan, seta-kat ini Jabatan Pertanian telah membelanjakan lebih dari \$32,000 bagi ranchangan itu dalam tahun ini.

Ranchangan yang di-mula-kan pada tahun lepas itu ada-lah bertujuan untuk menjamin penduduk2 terutama di-kawa-san2 luar bandar dengan mem-perolehi zat proten yang chu-kop bagi makanan sa-hari2.

Di-bawah ranchangan ini, peladang2 di-berikan 50 ekor anak ayam dan makanan-nya bagi selama empat bulan de-ngan perchuma.

Tahun lalu Jabatan Pertani-an telah membahagi2kan lebih dari 20,000 ekor anak ayam berharga \$82,450 bagi keguna-an 430 unit ternakan di-ke-empat2 daerah di-negeri ini.

Balek berchuti

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 59 orang penuntut Bru-nei di-sekolah2 menengah di-Singapura telah pulang ka-tanah ayer pada minggu lepas kerana berchuti.

Sa-ramai 28 orang dari me-reka belajar di-Sekolah Me-nengah Telok Kurau dan Se-kolah Menengah Kaki Bukit.

Penuntut2 itu di-jadualkan balek ka-Singapura pada 31 Disember akan datang dan 1 Januari tahun hadapan.

Gambar atas menunjukkan lem-bu2 tempatan yang akan di-kah-winkan dengan lembu2 jenis Santa Gertrudis.

Sa-ekor lagi melahirkan anak

JERUDONG. — Lembu2 jenis 'Santa Gertrudis' di-ladang ter-kan Jerudong telah melahir-kan sa-ekor anak lagi.

Pengarah Pertanian, Awang K. G. Malet ketika menyata-kan perkara ini berkata, anak lembu itu — jantan, telah di-lahirkan pada minggu lepas.

Anak lembu yang pertama, sa-ekor betina telah di-lahir-kan kira2 enam bulan yang lalu dan sekarang berat ba-dan-nya ia-lah 360 paun.

Lembu2 jenis Santa Gertru-dis — dua ekor jantan dan empat ekor betina telah di-ba-wa masuk oleh Jabatan Per-tanian dari sa-buah ladang di-Brisbane, Australia dalam tahun lepas di-bawah ran-changan untuk memperbaiki ternakan lembu.

Lembu2 tersebut di-pelihara oleh kaki-tangan haiwan jaba-tan itu dan anak2 lembu itu nanti akan di-bahagi2kan ka-pada peladang2 di-seluruh ne-geri untuk meninggikan mutu ternakan tempatan.

Lembu2 jantan jenis Santa Gertrudis itu juga di-kahwin-kan dengan lembu2 betina yang di-impot dari Negeri Ke-dah, Malaysia Barat.

Jabatan Pertanian berharap dengan ada-nya ranchangan memperbaiki ternakan lembu itu, penternak2 lembu di-negeri ini akan mempunyai lembu2 yang baik dan tinggi mutu-nya di-masa depan.

Pada masa ini, lembu2 di-Brunei ada-lah kurang baik mutu-nya kerana jagaan dan pemeliharaan yang tidak sem-purna

10 orang kaki tangan Pejabat Pos melawat sambil memerhati di-Malaysia Barat



Gambar atas menunjukkan sembilan orang daripada 10 orang kaki-tangan pos sa-belum berlepas ka-Kuala Lumpur.

BANDAR BRUNEI. — Sepuluh orang kaki tangan Jabatan Pos telah berlepas ka-Kuala Lumpur pada hari Sabtu lepas untuk membuat lawatan sambil memerhati mengenai berbagai aspek kerja2 pos di-Malaysia Barat dan Singapura.

Rombongan yang diketuai oleh Pengawal Pos, Awang Mohammad Jaafar itu mengandungi Awang Ang Kim Chan; Awang Wong Chin Chew; Awang Adnan bin Pawi; Awangku Omar bin Pengiran Salleh; Awang Abdul Hamid bin Tassim; Awang Mohamed Idris bin Damit; Pengiran Mohamed Noor bin Pengiran Mohamed Salleh; Awang Pong King Kim dan Awang Kamis bin Ja'afar.

Ketua Pos Agong Pengiran Bahar bin Pengiran Shahbandar Anak Hashim berkata, rombongan itu akan mempelajari mengenai kerja2 pemeriksaan pemandu2 pos dan penghantar2 surat, kerja bahagian penyerahan wang; kerja2 mengendalikan surat2 dan simpanan wang serta perkhidmatan pos di-sungai2.

Mereka akan berada di-Kuala Lumpur sa-lama tiga hari; di-Pulau Pinang tiga hari; Kota Bharu-Kelantan sa-lama tiga hari dan sa-lama tiga hari di-Singapura. Rombongan itu di-jangka pulang ka-tanah ayer pada 30 November.

Bakiau akan punyai sekolah baru

TUTONG. — Tawaran telah di-pelawa bagi pembinaan sa-buah blok sekolah, bilek makan, tempat2 tinggal, dan lain2 kerja bagi Sekolah Melayu Bakiau di-Tutong.

Kontrek itu ia-lah bagi \$199,251.00 dan kerja itu akan di-siapkan dalam masa tujuh bulan.

Sa-orang juruchakap bagi Jabatan Kerja Raya berkata

Tiga usul di-luluskan dalam Majlis Mashuarat Daerah Belait

KUALA BELAIT. — Majlis Meshuarat Daerah Belait telah mengadakan sidang bulanan-nya di-bilek persidangan pejabat2 kerajaan di-Kuala Belait pada minggu lalu.

Ia-nya di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Ali Khan bin Abdul Khan.

Majlis itu telah meluluskan tiga usul.

Usul pertama telah di-bentangkan oleh Yang Berhormat Pengiran Mohamed Yusof bin Pengiran Abu Bakar, ahli bagi kawasan Marina, yang meminta kerajaan menegerakan rancangan perumahan murah di-daerah itu.

Usul kedua telah di-bentangkan oleh ahli bagi kawasan Panglima, Yang Berhormat Awang Zainal Abidin bin Puteh yang meminta pehak yang berkenaan menyediakan sa-orang buroh bagi membersekan bangunan dan kawasan Kastam di-Sungai Tujoh Belait.

Awang Ismail bin Duraman, ahli bagi kawasan Lorong 4/5 Seria yang membentangkan usul yang ketiga meminta pehak yang berkenaan

supaya menedidiki keadaan pasir di-sepanjang pantai Kuala Belait ada-kah tidak mendatangkan apa2 kerosakan pada kawasan pantai yang tersebut kerana pasir di-kawasan ini sentiasa di-angkut.

Sidang itu telah di-akhiri dengan ucapan penanggahan yang di-sampaikan oleh beberapa orang ahli majlis itu.

Ahli2 persatuan2 belia di-beri peluang melawat khemah AMDB

BERAKAS. — Sa-ramai kira2 200 orang dari persatuan2 belia dan sekolah2 di-negeri ini telah melawat Khemah Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei di-Berakas pada hari Juma'at lepas.

Lima puluh lima orang adalah dari Sekolah Inggeris Tutong, 100 orang dari Sekolah Menengah Melayu Pertama Pusat di-Bandar Brunei dan 40 orang dari dua persatuan belia.

Sa-tiba pelawat2 itu di-khemah tersebut mereka telah di-sambut oleh pegawai2 yang memandu lawatan itu.

Pelawat2 itu telah di-beri penerangan oleh Major Pengiran Ibnu bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apang mengenai tugas dan tanggungjawab pasokan itu di-dewan makan.

Sa-lepas itu pelawat2 itu menyaksikan pertunjukan oleh pasokan pencharagam dan pertunjukan penggunaan senjata2 ringan dan meriam2 katak.

Mereka kemudian-nya di-

5,503 orang menghadiri kelas2 dewasa Ugama

BANDAR BRUNEI. — Lima ribu lima ratus tiga orang penuntut sekarang menghadiri kelas dewasa Ugama di-seluruh negeri.

Di-antara-nya 3,550 orang ada-lah perempuan.

Pemangku Nadzir Kelas2 Ugama di-negeri ini, Awang Ahmad bin Rambli berkata pechahan bilangan penuntut2 itu dalam tiap2 daerah ia-lah 3,194 orang di-Daerah Brunei Muara, 1,012 orang di-Tutong 706 orang di-Daerah Belait dan 591 orang di-Temburong.

Awang Ahmad berkata, penuntut2 itu di-ajarkan berbagai2 mata pelajaran mengenai Ugama Islam di-kedua2 peringkat rendah dan menengah.

Dalam bulan March tahun ini tiga ratus tujuh puluh satu orang penuntut kelas dewasa Ugama termasuk 157 orang perempuan telah lulus dalam peperiksaan peringkat rendah dan menengah.

Di-antara-nya, tiga belas orang chulun dari Khemah Tahanan Berakas telah lulus peperiksaan peringkat menengah.

bawa melawat di-sekeliling kawasan khemah itu. Mereka juga telah di-bawah melawat ka-tempat helikopter dan gymnasium.

Kerja2 memasang kebal selesai

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Letrik telah menyiapkan kerja memasang kebal bawah tanah di-antara Batu 4 Jalan Muara dan di-simpang Jalan Muara dan Jalan Berakas.

Jabatan itu pada masa ini menjalankan satu lagi kerja memasang kebal bawah tanah di-Batu Satu Sa-tengah Jalan Tutong.

Kerja itu ada-lah sa-bahagian dari projek jabatan itu untuk memberi Pekan Tutong lampu yang lebih baik di-jalan2 raya dan bekalan letrik.

Kerja menggantikan kawat2 letrik sebelah atas dengan kebal bawah tanah kapada rumah2 di-kawasan Pekan Tutong juga telah siap baru2 ini.

Jawatan-Jawatan Kosong

Di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pe-lawa untuk di-lantek ka-jawatan2 yang berikut di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

- 1) Tukang Ubat Kanan
- 2) Tukang Ubat Terlateh/atau
- 3) Tukang Ubat Perchubaaan.

KELAYAKAN2:

- 1) **Tukang Ubat Kanan**
Mesti-lah menjadi sa-orang Tukang Ubat yang ber-kelayakan dan mempunyai 10 tahun pengalaman serta pengalaman menjaga sa-buah gudang ubat; atau Hendak-lah menjadi sa-orang Pembantu Rumah Sakit yang ber-kelayakan dengan mempunyai penga-laman membanchor ubat sekurang2-nya selama 10 tahun.
- 2) **Tukang Ubat Terlateh**
Mesti-lah mempunyai se-suatu Sijil bagi Tukang Ubat yang ber-kelayakan atau pun hendak-lah menjadi sa-orang Pembantu Rumah Sakit yang ber-kelayakan dengan mempun-yai pengalaman mem-banchor ubat selama 3 hingga 5 tahun.
- 3) **Tukang Ubat Perchubaaan**
Pemohon2 bagi jawatan ini (Tukang Ubat Perchu-baan) mesti-lah terdiri dari ra'ayat atau mereka yang berhak di-daftarkan se-bagai ra'ayat D.Y.M.M. Sultan Brunei dan mesti-lah berumur 17 tahun atau lebih dan lulus pe-periksaan Senior Cambridge termasuk mata2 pelajaran sains asas.

GAJI: Tukang Ubat Kanan — Dalam sukatan gaji C. 2 — \$600 x 30 — 900.
Tukang Ubat Terlateh/Perchubaaan Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB4—\$210 x 10—270 x 15—360/380 x 20 480/EB/500 x 20 — 620.
Gaji Permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

SHARAT2 LANTEKAN:

- 1) Tukang2 Ubat Perchubaaan di-lantek dalam perchubaaan selama 3 tahun dan pen-tapan dalam jawatan me-reka ada-lah bergantung kepada kejayaan dalam pe-periksaan sesudah men-jalani sesuatu kursus yang di-akui.
- 2) Tukang Ubat Kanan dan Tukang Ubat Terlateh yang

bukan dari ra'ayat atau berhak di-daftarkan sa-bagai ra'ayat D.Y.M.M. Sultan Brunei akan di-lantek sa-chara berkontrek selama 3 tahun termasuk masa per-chubaaan selama 6 bulan. Pembaharuan kontrek ada-lah dengan persetujuan bersama.

BAKSIS:

Bagi sa-orang pegawai yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat.

Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 per-khidmatan boleh di-dapati dari-pada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pega-wai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kera-jaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 10 Disember, 1969.

Sa-bagai Penjaga Asrama

PERMOHONAN2 ada-lah di-pe-lawa untuk memenohi jawatan2 Penjaga Asrama di-Jabatan Pela-jaran, Brunei.

Jawatan2 Kosong ini ia-lah:—

- a) Di-Sekolah Inggeris Kuala Belait — (1 lelaki & 1 pe-rempuan)
- b) Di-Maktab Anthony Abell, Seria — (1 perempuan)
- c) Di-Sekolah Melayu Sul-tan Hasan, Bangar, Tem-burong, — (1 perempuan).

KELAYAKAN2:

Pemohon2 mesti-lah lulus Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dan hendak-lah sa-baik2-nya mempun-yai pengalaman dalam penyeliaan dan pengurusan sa-buah asram, termasuk pengalaman memasak ma-nakan Melayu.

TUGAS2:

- a) Menjaga asrama dan pe-kerja2 dapur.
- b) Menjaga membeli belah dan memereksa barang2 yang di-bekalkan, menye-diakan jadual2 makanan serta makan minum di-asrama.

GAJI:

Dalam sukatan gaji D. 3-4 EB 5 \$380 x 20 — 620/EB/640 x 20 — 700. Gaji permulaan bergantung ka-pada kelayakan2 dan peng-alaman.

SHARAT2 PERKHIDMATAN:

Chalun yang berjaya yang bukan ra'ayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek selama 3 tahun termasuk masa per-chubaaan selama 6 bulan. Chalun2 yang berjaya terdiri dari ra'ayat atau yang ber-

hak di-daftarkan sa-bagai ra'ayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

BAKSIS:

Bagi sa-orang chalun yang di-lantek sa-chara berkon-trek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apa-bila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 per-khidmatan boleh di-dapati dari-pada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kera-jaan, Brunei, tidak lewat dari-pada 30 Nohember, 1969.

Sa-bagai Talipon Operator

PERMOHONAN2 ada-lah di-pe-lawa daripada chalun2 yang menjadi raayat atau mereka yang berhak di-daftarkan sa-bagai raayat D.Y.M.M. Sultan untuk di-lantek sa-bagai Talipon Operator di-Jaba-tan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

KELAYAKAN2:

Mesti-lah lulus Darjah V Sekoloh Melayu dan Form II Inggeris.

UMOR:

Berumur di-antara 16 dan 25 tahun.

GAJI:

Dalam sukatan gaji E. 1-2

Peluang untuk melawat Australia

BANDAR BRUNEI. — Kelab Rotary Bandar Brunei ber-kehendakkan sa-orang ahli perniagaan atau professional sa-bagai chalun-nya untuk di-jadikan ahli Rombongan Kum-pulan Pengajian Penukaran.

Rombongan tersebut yang terdiri dari enam orang dari Daerah 330 akan melawat ka-New South Wales, Australia sa-lama dua bulan mulai da-lam bulan Febuari 1970.

Kumpulan Pengajian Penu-karan itu ada-lah satu chara ranchangan pendidekan yang bermaksud hendak memberi peluang kepada pengurus2 muda dan professional mengkaji raayat dan chara2 kehidupan lain2 negara dan dengan ber-buat demikian akan membantu memajukan sikap saling meng-erti serta muhibah.

Chalun2 hendak-lah ber-umur di-antara 25 dan 35 ta-hun dan warga negara Brunei.

Mereka yang ingin menjadi ahli rombongan tersebut di-jemput menghantarkan nama2 mereka de-ngan segera kepada ahli-Rotary C. B. Paget, P. O. Box 723, Bandar Brunei.

Satu temu duga akan di-adakan di-mana butir2 lanjut berkenaan ranchangan Kumpulan Pengajian Penukaran itu akan di-nyatakan.

EB 3 — \$200 x 10 — 230/240 x 10 — 270/EB/280 x 10 — 330.

TUGAS:

Bekerja siang dan malam di-Rumah. Sakit Besar, Brunei.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari-pada 30 Nohember, 1969.

SI-TUYU oleh:m.salleh ibrahim



Pengkajian kesibokan lalu lintas di-Ibu Kota

BANDAR BRUNEI. — Bahagian Peranchang Bandar, Jabatan Kemajuan akan menjalankan satu Pengkajian kesibokan lalu lintas di-ibu kota.

Tujuan pengkajian itu ia-lah untuk mengetahui berapa banyak tempat penarohan kereta yang di-perlukan oleh orang yang bekerja di-sa-sebuah bangunan besar di-waktu masa bekerja.

Ini kelak dapat-lah di-anggarkan jumlah tempat2 penarohan kereta yang di-perlukan oleh sa-sebuah bangunan, menurut keadaan besar bangunan itu.

Pengkajian tersebut akan melibatkan beberapa buah bangunan kerajaan, perdagangan dan bangunan2 yang terpilih.

Bangunan2 kerajaan yang termasuk dalam pengkajian itu ia-lah Bangunan Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Bangunan Pejabat Pos, Bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka dan Penyiaran dan Penerangan, Bangunan Jabatan Hal Ehwal Ugama dan Bangunan Kastam.

Ketua2 Jabatan dan kakitangan2 yang terpilih itu diminta supaya memberikan kerjasama kepada kakitangan Jabatan Kemajuan dalam menjalankan pengkajian itu bagi membolehkan tugas2 mereka di-siapkan seberapa segera.



Y.D.M. Begawan Pehin Khatib
Dato Paduka Haji Metali.

Brunei pertahankan Piala C. P. A.

BANDAR BRUNEI. — Brunei telah berjaya mempertahankan Piala Sharikat Penerbangan Cathay buat tahun kedua dalam perlawanan tinju antara tiga wilayah Borneo-Sarawak, Sabah dan Brunei yang telah di-adakan baru2 ini di-Bandar Brunei.

Brunei telah memperolehi 26 mata; Sarawak 16 mata dan Sabah mendapat 11 mata.

Perlawanan yang di-adakan sa-lama dua malam berturut2 itu telah di-adakan di-Dewan Kemasyarakatan dan telah disaksikan oleh ramai peminat2 tinju.



Gambar atas menunjukkan Awang Ahmad Rashid, ketua pasukan tinju Brunei sedang di-julang sambil memegang Piala Sharikat Penerbangan Cathay oleh dua orang ahli tinju—Awang

Timbang Ahmad dan Cpl. Haji Raub.

Sedang memerhati di-sebelah kanan ia-lah Awang S. Palaniandy, Setia Usaha Persatuan Tinju Amateur Negeri Brunei.

BRUNEI DI-UNDANG UNTUK JADI PENGADIL PERADUAN MEMBACHA QURAN DI-K.L.

BANDAR BRUNEI. — Brunei buat pertama kali-nya telah di-undang supaya menghantar sa-orang wakil-nya untuk menjadi salah sa-orang anggota2 pengadil dalam peraduan membacha Al-Quran Perengkat Antara Bangsa yang akan berlangsung di-Kuala Lumpur.

Undangan itu telah di-persetujui oleh Brunei dan telah memutuskan untuk menghantar Yang Di-Muliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Metali bin Matyassin, Pemangku Kadhi Besar Negeri Brunei.

Yang Di-Muliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Metali ia-lah Pengerusi Jemaah Hakim dalam Peraduan Membacha Kitab Suchi Al-Quran Perengkat Negeri Brunei yang berlangsung dalam bulan lalu.

Dalam peraduan perengkat Antara bangsa itu nanti telah di-umumkan mengenai tambahan anggota2 pengadil dan tiga buah negeri telah di-undang untuk memenohi kehendak itu. Negeri2 itu ia-lah Brunei,

Pakistan dan Tunisia.

Wakil Brunei, Yang Di-Muliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Metali akan berlepas ka-Kuala Lumpur pada 23 Nohember bersama2 dengan dua orang qari dan sa-orang qariah yang mewakili Brunei ka-peraduan yang akan berlangsung di-Stadium Merdeka Kuala Lumpur pada 26, 27 dan 28 Nohember ini.

Qari2 dan qariah itu ia-lah Awang Damit bin Haji Kawang, Awang Morne bin Sanai dan Dayang Rasiyah binte Juma'at.

Rombongan ini akan di-ke-tuai oleh Awang Haji Md. Tarif bin Pehin Perdana Wangsa Haji Mohammad dan sa-orang wakil dari Jabatan Hal-Ehwal Ugama, Pengiran Tuah bin Pengiran Mohammad serta sa-orang pengiring qariah ia-itu Dayangku Hajjah Hanifah binte Duli Pengiran Bendahara Anak Haji Md. Yassin.

Sementara itu, di-Kuala Lumpur di-umumkan bahawa negara2 yang telah menyatakan kesanggupan untuk menyertai peraduan perengkat antara bangsa itu ia-lah Brunei, Pakistan, Indonesia, Singapura dan Vietnam. Beberapa buah negara lagi di-jangka akan menyatakan kesanggupan mereka untuk menyertai peraduan itu seperti Kamboja, Negeri Thai, dan Philipina.

Sa-buah pentas khas untuk pertandingan itu yang berharga \$6,000 telah di-bena di-Stadium Merdeka. Peraduan tahun ini di-jangka di-adakan sa-chara meriah dan istimewa.

Sa-belum peraduan perengkat antara bangsa di-langsungkan, terlebih dahulu akan di-adakan peraduan perengkat kebangsaan untuk memilih

wakil Malaysia ka-peraduan perengkat antara bangsa itu.

Peraduan perengkat kebangsaan itu akan berlangsung pada 24 dan 25 Nohember.

Hadiah2 akan di-sampaikan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia pada 29 Nohember.

Saperti tahun2 lalu, Radio Malaysia akan menyiarkan sa-chara langsung peraduan dalam kedua2 perengkat itu.

146 orang chalon, masuk pereksa trengkas dan menaip

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 146 orang chalon akan mengambil peperiksaan trengkas dan menaip yang akan di-adakan di-Sekolah Melayu Pussar Ulak di-Bandar Brunei pada 21 Nohember ini.

Peperiksaan yang di-anjorkan oleh Institute Trengkas Melayu Malaysia dan di-kelolakan oleh Jabatan Pelajaran Brunei itu akan di-adakan dalam tiga perengkat — perengkat permulaan, menengah dan tertinggi.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran berkata, dari jumlah tersebut sa-ramai 57 orang chalon akan mengambil peperiksaan trengkas — 35 orang dalam perengkat permulaan, 12 perengkat menengah dan 10 perengkat tertinggi.

Sa-ramai 54 orang chalon akan mengambil peperiksaan menaip perengkat permulaan, 22 dalam perengkat menengah dan 13 dalam perengkat tertinggi.